



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan diberi kepada **RAKYAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS** yang berkelayakan dan **BERUMUR TIDAK KURANG 18 TAHUN** pada tarikh iklan ditutup untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut :

- SKIM PERKHIDMATAN : PEMANDU KENDERAAN
- JUMLAH KEKOSONGAN : 3 (TIGA) KEKOSONGAN
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN
- TARAF JAWATAN : KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)
- GRED : H11
- JADUAL GAJI (MIN-MAK) : RM1,218.00 – RM2,939.00
- KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM80.00
- SYARAT LANTIKAN: : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a. warganegara Malaysia;
  - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c.
    - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
    - ii. **WAJIB** memiliki lesen memandu Kelas D dan E (Motokar berat BTM melebihi 7500 kg) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
    - iii. berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- a. Lesen D: RM1,264.15
- b. Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
- c. Lesen F/H: RM1,356.45
- d. Lesen G/I: RM1,402.60

**KEUTAMAN KEPADA CALON**

Keutamaan kepada calon yang mempunyai **lesen kelas H** serta berpengalaman dalam mengendalikan lebih dari satu kenderaan/jentera.

**SYARAT BAHASA MELAYU**

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**DESKRIPSI TUGAS**

: Bertanggungjawab mengendalikan lori *skylift*, lori 5 tan dan jentera memunggah. Selain itu, melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

**TARIKH TUTUP**


: **24 JUN 2024 (ISNIN)**

**CARA MEMOHON:**

1. Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN MDKP** yang diperolehi secara **PERCUMA** di Kaunter Pertanyaan, Majlis Daerah Kuala Pilah pada waktu pejabat mulai dari tarikh jawatan diiklankan iaitu **11 JUN 2024 (SELASA)**
2. Borang juga boleh dimuat turun daripada laman web rasmi MDKP, <http://www.mdkp.gov.my>.
3. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil yang diakui sah oleh mereka yang berkeelayakan seperti Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan dan Profesional), Pegawai Kumpulan Sokongan 1, Penghulu, Jaksa Pendamai, Pesuruhjaya Sumpah, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan setaraf dengannya beserta gambar berukuran passport yang dialamatkan kepada :

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH  
72009 KUALA PILAH  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

4. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-
- MyKad / Kad Pengenalan diri;
  - Salinan Lesen Memandu yang masih aktif;
  - Sijil Kelahiran / Surat Beranak;
  - Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran Ibu dan Bapa;
  - SRP/LCE/PMR atau setaraf
  - Sijil Berhenti Sekolah
  - Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport;
  - Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada)
5. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga dengan setiap keputusan temu duga adalah muktamad.
6. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 tahun dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
8. Borang yang tidak lengkap seperti **TIADA** tandatangan, **TIADA** pengesahan (salinan diakui sah) dan **TIADA** gambar akan ditolak.



.....  
(NAWAL BINTI MOHAMED AMIN)  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut sila hubungi :

No. Tel : 06-4812075/ 4814025

No. Faks: 06-4811042

Email : [mdkp@mdkp.gov.my](mailto:mdkp@mdkp.gov.my)

Laman web: <http://www.mdkp.gov.my>